A

Loo Yong Heng lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05(M)-257–06 TAHUN 2022 DAN J-05(SH)-253–06 TAHUN 2022

HADHARIAH SYED ISMAIL, MOHAMED ZAINI MAZLAN DAN AZMI ARIFFIN HHMR

29 DISEMBER 2023

C

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah bagi satu pertuduhan mengedar dadah dan lima pertuduhan memiliki dadah — Perayu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Perayu dijatuhkan hukuman dua tahun penjara bagi setiap pertuduhan memiliki dadah — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila gagal membuat dapatan secara afirmatif sama ada perayu mempunyai milikan sebenar atau milikan secara anggapan sebelum mengguna pakai anggapan di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada perayu tidak mempunyai kawalan dan jagaan eksklusif ke atas bilik di mana dadah dijumpai — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila mengambil kira dan menerima keterangan mengenai 'kelakuan perayu' — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila membenarkan pendakwaan mengguna pakai s 154 Akta Keterangan 1950 untuk menyoalbalas saksi sedangkan tiada percanggahan material dalam keterangan — Sama ada pembelaan perayu tidak dipertimbangkan — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 37(da)(xvi) & 39B(1)(a) — Akta Keterangan 1950 ss 8 & 154 — Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023

D

E

F

Perayu telah dituduh dengan satu pertuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dan lima pertuduhan memiliki dadah di bawah s 12(2) ADB. Dadah-dadah tersebut telah dijumpai oleh pihak polis di atas rak televisyen yang tidak berpintu dan berlaci yang teletak dalam bilik perayu. Selain daripada dadah-dadah tersebut, pihak polis juga menemui *sealer*, penimbang digital, gunting, paket-paket plastik kosong dan wang tunai berjumlah RM10,000 di dalam bilik perayu. Perayu menafikan bahawa dadah-dadah tersebut miliknya dan menyatakan bahawa sebelum dia ditangkap, rakan-rakannya iaitu Ah Pui, San San dan Ah Seng pernah masuk ke dalam biliknya. Perayu juga menyatakan bahawa *sealer* tersebut adalah milik bapanya ('SP5') di mana ia digunakan untuk perniagaan bapanya manakala penimbang digital tersebut milik ibunya ('SD2') yang digunakan untuk menimbang tepung. Perlu diingat bahawa hakim bicara pertama yang mendengar kes pihak pendakwaan telah bersara, maka, kes pihak pembelaan telah didengar di hadapan hakim bicara kedua. Pada akhir kes, perayu telah disabitkan bersalah bagi kesemua pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati bagi kesalahan mengedar dadah dan penjara

G

H

I

dua tahun bagi setiap satu pertuduhan memiliki dadah di mana hukuman pemenjaraan tersebut berjalan serentak, oleh itu, rayuan semasa. Alasan-alasan rayuan yang dibangkitkan adalah seperti berikut: (a) hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal membuat dapatan afirmatif sama ada perayu mempunyai milikan sebenar (*actual possession*) atau milikan secara anggapan (*presumed possession*) sebelum mengguna pakai anggapan di bawah s 37(da) ADB; (b) perayu tidak mempunyai kawalan dan jagaan eksklusif ke atas bilik di mana dadah dijumpai; (c) hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila mengambil kira dan menerima keterangan mengenai 'kelakuan perayu' — 'kelakuan perayu' yang dimaksudkan ialah tindakan perayu yang dikatakan telah lari masuk ke dalam rumah apabila pegawai polis iaitu SP9 memintanya membuka 'autogate' rumahnya sedangkan dia sebenarnya ingin masuk ke dalam rumah untuk mengambil 'remote control' untuk membuka 'autogate' tersebut; (d) hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila membenarkan pendakwaan mengguna pakai s 154 Akta Keterangan1950 untuk menyoalbalas SP5 sedangkan tiada percanggahan material dalam keterangan; dan (e) pembelaan perayu tidak dipertimbangkan.

Diputuskan, menolak rayuan perayu terhadap sabitan bagi kesemua pertuduhan, mengenepikan hukuman gantung sampai mati dan menggantikannya dengan hukuman 30 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 sebatan, dan menolak rayuan perayu terhadap hukuman bagi lima kesalahan memiliki dadah:

(1) Dalam kes semasa, hakim bicara pertama telah memberi indikasi di akhir kes pendakwaan bahawa beliau menggunakan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB. Ini bermakna, hakim bicara berpuas hati bahawa perayu mempunyai milikan sebenar dan dia dianggap mengedar dadah kerana berat methamphetamine yang dijumpai ialah 183.14g, melebihi berat statutori 50g. Dengan indikasi tersebut, perayu memikul beban untuk mematahkan anggapan pengedaran atas tahap imbangan kebarangkalian. Manakala bagi pertuduhan pemilikan, perayu memikul beban membuktikan tanpa keraguan munasabah bahawa dadah-dadah tersebut bukan milikan beliau (lihat perenggan 37).

(2) Dalam keadaan dadah-dadah, *sealer* dan alat penimbang dijumpai dalam bilik perayu, yang dihuni oleh perayu seorang sahaja dan dadah-dadah tersebut juga tidak tersembunyi, hakim bicara pertama membuat keputusan yang betul bila memutuskan perayu mempunyai milikan sebenar. Perayu mempunyai jagaan, kawalan dan pengetahuan mengenai dadah-dadah tersebut. Oleh itu, mahkamah mendapati tidak ada apa-apa kekhilafan dilakukan oleh hakim bicara pertama apabila beliau mengguna pakai anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB. Oleh itu, mahkamah mendapati isu milikan yang dibangkitkan oleh perayu tidak bermerit dan ditolak (lihat perenggan 42).

(3) Dalam keadaan di mana perayu tidak ada apa-apa maklumat mengenai kawan-kawannya dan polis juga tidak diberitahu mengenainya, hakim bicara kedua telah membuat keputusan yang betul bila memutuskan Ah Pui, San San dan Ah Seng ini tidak wujud. Memandangkan notis Alcontara tidak sempurna, maka, polis tidak boleh dipersalahkan jika tidak membuat siasatan. Selain itu, hakim bicara kedua juga membuat keputusan yang betul apabila memutuskan, walaupun bilik tersebut boleh diakses oleh orang lain, ini tidak bermakna perayu hilang kawalan ke atas bilik tersebut. Lebih-lebih lagi dalam kes ini, dalam bilik perayu terdapat wang tunai sebanyak RM10,000. Adalah tidak munasabah perayu tidak ada kawalan dan jagaan ke atas biliknya. Maka, isu tiada kawalan eksklusif ke atas bilik ini juga adalah tidak bermerit dan ditolak (lihat perenggan 43–45).

(4) Berkenaan isu kelakuan perayu, mahkamah mendapati bahawa sukar untuk mahkamah menerima penjelasan perayu. Adalah lebih munasabah untuk perayu menjawab permintaan SP9 dengan mengatakan dia akan ambil 'remote control' dan bukannya bertindak terus masuk ke dalam rumah. Di antara versi SP9 dan keterangan perayu, mahkamah mendapati versi SP9 adalah lebih munasabah iaitu perayu enggan beri kerjasama. Kelakuan perayu ini adalah relevan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 untuk menunjukkan perayu ada pengetahuan mengenai dadah di dalam biliknya. Oleh itu, hakim bicara kedua tidak terkhilaf apabila mengambil kira kelakuan perayu. Maka, isu mengenai kelakuan perayu ini juga mesti gagal dan ditolak (lihat perenggan 46).

(5) Semasa pemeriksaan utama, SP5 memberikan keterangan bahawa dia tidak ingat bila kali terakhir kawan perayu masuk ke bilik perayu; perayu akan memarahi sesiapa yang masuk ke biliknya; bahawa bilik perayu kadang-kadang dikunci dan kadang-kadang tidak dikunci serta SP5 tidak pernah melihat *sealer* tersebut. Tetapi semasa pemeriksaan balas, setelah SP5 bertemu dengan peguambela perayu di luar bilik bicara, SP5 mengaku cerita ada orang datang ke bilik perayu pada pagi hari kejadian. Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan perayu bahawa hakim bicara pertama telah terkhilaf apabila membenarkan timbalan pendakwa raya mengguna pakai s 154 Akta Keterangan 1950 apabila tidak ada percanggahan material dalam keterangan SP5. Mahkamah dapati bahawa SP5 adalah saksi belot (*hostile witness*) (lihat perenggan 47–48 & 51–52).

(6) Walaupun SP5 adalah saksi belot, ini tidak bermakna semua keterangan SP5 harus ditolak. Keterangan SP5 yang disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan masih boleh diterima. Keterangan SP5 semasa pemeriksaan utama bahawa dia tidak ingat bila kali terakhir kawan perayu masuk ke bilik perayu; perayu akan memarahi sesiapa yang masuk ke biliknya; bahawa bilik perayu kadang-kadang dikunci dan

kadang-kadang tidak dikunci serta SP5 tidak pernah melihat *sealer* adalah keterangan yang relevan untuk menunjukkan bahawa bilik perayu dan barang-barang yang berada di dalam bilik perayu adalah di bawah kawalan, jagaan dan pengetahuan perayu sendiri sahaja. Oleh itu, keterangan-keterangan SP5 semasa pemeriksaan utama (yang belum diubah) diterima masuk sebagai keterangan pendakwaan dan diberikan pemberatan yang sewajarnya (lihat perenggan 53 & 55).

(7) Mahkamah dapati pembelaan perayu adalah penafian semata-mata. Bagi pertuduhan pemilikan dadah, hakim bicara kedua telah pun mempertimbangkan pembelaan perayu seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 33 penghakimannya. Bagi pertuduhan pengedaran dadah pula, hakim bicara pertama telah mengguna pakai anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) ADB. Beban bukti beralih kepada perayu untuk mematahkan anggapan pengedaran atas imbangan kebarangkalian. Perayu harus memberikan penjelasan bahawa dadah tersebut adalah untuk kegunaannya sendiri atau untuk apa-apa tujuan lain selain daripada pengedaran. Dalam kes ini, perayu gagal memberikan apa-apa penjelasan. Oleh itu, satu-satunya inferen yang munasabah yang boleh dibuat ialah dadah tersebut adalah untuk tujuan pengedaran. Maka, hakim bicara kedua telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan: (a) bahawa perayu memiliki dadah untuk tujuan pengedaran kerana perayu gagal memberikan penjelasan apakah tujuan dadah tersebut; dan (b) perayu gagal mematahkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) (xvi) ADB (lihat perenggan 58–60).

(8) Bersandarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah mendapati bahawa sabitan ke atas perayu bagi kesemua enam pertuduhan adalah selamat. Mengenai rayuan terhadap hukuman, bagi kesalahan di bawah s 39B ADB, mahkamah menggunakan kuasa budibicara di bawah Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) dengan mengenepikan hukuman gantung sampai mati dan menggantikannya dengan hukuman 30 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 sebatan rotan. Bagi pertuduhan-pertuduhan memiliki dadah pula, hukuman yang dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi dikekalkan (lihat perenggan 61–63).

[English summary

The appellant was charged with one count of trafficking in dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') and five counts of possession of drugs under s 12(2) of the DDA. The drugs were found by the police on a television shelf without a door and a drawer in the appellant's room. Apart from the drugs, the police also found sealers, digital scales, scissors, empty plastic bags and cash amounting to RM10,000 in the appellant's room. The appellant denied that the drugs belonged to him and stated that before he was arrested, his friends Ah Pui, San San and Ah Seng had

entered his room. The appellant also stated that the sealer belonged to his father ('SP5') where it was used for his father's business while the digital scale belonged to his mother ('SD2') which was used to weigh flour. It ought to be noted that the first trial judge who heard the prosecution's case had retired, therefore, the defence's case was heard before the second trial judge. At the end of the case, the appellant was found guilty of all the charges and sentenced to death by hanging for the offence of drug trafficking and two years' imprisonment for each of the charges of drug possession where the terms of imprisonment run concurrently, hence, the present appeal. The grounds of appeal raised were as followed: (a) the High Court judge erred in law and fact when he failed to make an affirmative finding as to whether the appellant had actual possession or presumed possession before invoking the presumption under s 37(da) of the DDA; (b) the appellant did not have exclusive control and custody of the room where the drugs were found; (c) the High Court judge erred when he took into account and accepted the evidence regarding the 'appellant's conduct' — 'the appellant's conduct' referred to the alleged appellant's actions in running into the house when the police officer SP9 asked him to open the 'autogate' of his house when he actually wanted to enter the house to take the 'remote control' to open the 'autogate'; (d) the High Court judge erred when he allowed the prosecution to use s 154 of the Evidence Act 1950 to question SP5 when there was no material contradiction in the evidence; and (e) the appellant's defence was not considered.

Held, dismissing the appellant's appeal against the conviction on all charges, setting aside the sentence of death by hanging and substituting it with a sentence of 30 years imprisonment from the date of arrest and 12 strokes, and dismissing the appellant's appeal against the sentence for the five drug possession offences:

(1) In the present case, the first trial judge had indicated at the end of the prosecution case that he invoked the presumption of trafficking under s 37(da) of the DDA. This meant that the trial judge was satisfied that the appellant had actual possession and he was presumed to be trafficking drugs because the weight of methamphetamine found was 183.14g, exceeding the statutory weight of 50g. With such indication, the appellant bore the burden of rebutting the presumption of trafficking on a balance of probabilities. As for the charge of possession, the appellant bore the burden of proving beyond a reasonable doubt that the drugs were not in his possession (see para 37).

(2) In the circumstances where the drugs, sealers and scales were found in the appellant's room, which was occupied by the appellant alone and the drugs were not hidden, the first trial judge made the right decision when he decided that the appellant had actual possession. The appellant had custody, control and knowledge of the drugs. Therefore, the court found that there was no error committed by the first trial judge when he invoked

the presumption of trafficking under s 37(da) of the DDA. Therefore, the court found that the issue of possession raised by the appellant was not meritorious and was rejected (see para 42).

(3) In the circumstances where the appellant did not have any information about his friends and the police were not informed about it, the second trial judge made the right decision when he decided that Ah Pui, San San and Ah Seng did not exist. Since the Alcontara's notice was not proper, then, the police could not be blamed if they did not investigate. In addition, the second trial judge also made the right decision when he decided that, even if the room was accessible to others, this did not mean that the appellant lost control over the room. Moreover, in this case, there was RM10,000 in cash in the appellant's room. It was unreasonable for the appellant to have no control and custody over his room. Therefore, the issue of no exclusive control over this room was also without merit and hence rejected (see paras 43–45).

(4) Regarding the issue of the appellant's conduct, the court found that it was difficult for the court to accept the appellant's explanation. It was more reasonable for the appellant to respond to SP9's request by saying that he would take the 'remote control' instead of going straight into the house. Between SP9's version and the appellant's testimony, the court found that SP9's version was more reasonable, which was that the appellant refused to cooperate. The appellant's conduct was relevant under s 8 of the Evidence Act 1950 to show the appellant had knowledge of the drugs in his room. Therefore, the second trial judge did not err when considering the appellant's conduct. As such, the issue regarding the appellant's conduct must also fail and ought to be rejected (see para 46).

(5) During the examination-in-chief, SP5 testified that he did not remember the last time the appellant's friend entered the appellant's room; the appellant would scold anyone who entered his room; that the appellant's room was sometimes locked and sometimes unlocked and that SP5 never saw the sealer. But during cross-examination, after SP5 met with the appellant's lawyer outside the courtroom, SP5 admitted that someone had come to the appellant's room on the morning of the incident. The court did not agree with the appellant's argument that the first trial judge erred when he allowed the deputy public prosecutor to apply s 154 of the Evidence Act 1950 when there was no material contradiction in SP5's testimony. The court found that SP5 was a hostile witness (see paras 47–48 & 51–52).

(6) Although SP5 was a hostile witness, this did not mean that all SP5's evidence should be rejected. The evidence of SP5 supported by the evidence of prosecution witnesses was still admissible. SP5's evidence during the examination-in-chief that he did not remember the last time the appellant's friend entered the appellant's room; the appellant would

scold anyone who entered his room; that the appellant's room was sometimes locked and sometimes not locked and that SP5 never saw the sealer was relevant evidence to show that the appellant's room and the items in the appellant's room were under the appellant's own control, custody and knowledge only. Therefore, SP5's evidence during the examination-in-chief (which had not been altered) was admitted as prosecution evidence and given due weight (see paras 53 & 55).

(7) The court found that the appellant's defence was a mere denial. For the charge of drug possession, the second trial judge had already considered the appellant's defence as stated in para 33 of his judgment. As for the charge of drug trafficking, the first trial judge had invoked the presumption of trafficking under s 37(da)(xvi) of the DDA. The burden of proof shifted to the appellant to rebut the presumption of trafficking on a balance of probabilities. The appellant should provide an explanation that the drug was for his own use or for any other purpose other than trafficking. In this case, the appellant failed to provide any explanation. Therefore, the only reasonable inference that could be made was that the drugs were for the purpose of trafficking. Therefore, the second trial judge made the right decision when he decided: (a) that the appellant's possession of the drugs was for the purpose of trafficking because the appellant failed to explain what the purpose of the drugs was; and (b) the appellant failed to rebut the presumption of trafficking under s 37(da)(xvi) of the DDA (see paras 58–60).

(8) Based on the above reasons, the court found that the appellant's conviction for all six charges was safe. Regarding the appeal against the sentence, for the offence under s 39B of the DDA, the court applied its discretion under the Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023 (Act 846) by setting aside the sentence of death by hanging and replacing it with a sentence of 30 years imprisonment from the date of arrest and 12 strokes of the cane. As for the drug possession charges, the sentence handed down by the High Court judge was upheld (see paras 61–63).]

Kes-kes yang dirujuk

Desa Samudra Sdn Bhd v Bandar Teknik Sdn Bhd & Ors [2012] 1 MLJ 729, MP (dirujuk)

Hemankumar a/l Subramaniam v PP [2020] MLJU 217; [2020] 3 CLJ 844, MR (dirujuk)

Jorge Crespo Gomez v PP [2020] 5 MLJ 250, MP (dirujuk)

Ogbugo Chioma Martha v PP [2019] MLJU 295; [2019] 1 LNS 491, MR (dirujuk)

PP v Abdul Manaf bin Muhamad Hassan [2006] 3 MLJ 193; [2006] 2 CLJ 129, MP (dirujuk)

PP v Ramli bin Shafie [2002] 6 MLJ 153, MT (dirujuk)

Soorya Kumar a/l Narayanan @ Narayanasamy v PP [2011] 5 MLJ 774, MR (dibeza)
Sureeya Wutthisat & Anor lwn Pendakwa Raya [2013] 1 MLJ 214, MR (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 37(da), (da)(xvi), 39B(1)(a), Jadual Pertama
Akta Keterangan 1950 ss 8, 154
Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Loo Yong Heng* [2022] MLJU 2016 (Mahkamah Tinggi, Muar)

CS Lim (SY Sia bersamanya) (Lim Wong & Partners) bagi pihak perayu.
Aznee Salmie bt Ahmad (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hadhariah Syed Ismail HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENGENALAN

[1] Perayu, Loo Yong Heng telah di dakwa dengan enam kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') iaitu satu pertuduhan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) dan lima pertuduhan memiliki dadah di bawah s 12(2). Enam pertuduhan ini di bawa dalam tiga kes yang berlainan. Ketiga-tiga kes dibicarakan bersama di dalam satu perbicaraan.

[2] Rayuan No 257 melibatkan dua pertuduhan iaitu satu pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) ADB dan satu pertuduhan di bawah s 12(2) ADB.

[3] Rayuan No 253 melibatkan tiga pertuduhan di bawah s 12(2) ADB.

[4] Rayuan No 254 melibatkan satu pertuduhan di bawah s 12(2) ADB.

[5] Di peringkat pendakwaan, kes didengar oleh pesuruhjaya kehakiman ('PK') Awang Armadajaya ('hakim bicara pertama'). Hakim bicara pertama memutuskan pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes prima facie bagi kesemua enam pertuduhan dan perayu dipanggil membela diri. Hakim bicara pertama kemudiannya telah bersara. Kes pembelaan didengar oleh hakim Mahkamah Tinggi, Abu Bakar Katar ('hakim bicara kedua').

[6] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara kedua telah mensabitkan perayu bersalah atas kesemua enam pertuduhan dan menjatuhkan hukuman berikut:

(a) gantung dileher hingga mati bagi kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB; dan

(b) penjara dua tahun mulai dari tarikh sabitan bagi setiap satu pertuduhan di bawah s 12(2). Hukuman penjara berjalan serentak.

[7] Ini adalah rayuan perayu terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi.

BERAT DAN JENIS DADAH DALAM ENAM PERTUDUHAN

[8] Bagi pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) ADB, dadah yang terlibat ialah 183.14g methamphetamine.

[9] Bagi lima pertuduhan di bawah s 12(2) ADB, berat dan jenis dadah mengikut susunan pertuduhan adalah seperti berikut:

(a) 7g heroin dan monoacetylmorphines;

(b) 21g ketamine;

(c) 91g ketamine;

(d) 79g methylenedioxymethamphetamine ('MDMA'); dan

(e) 4g nimetazepam.

[10] Kesemua dadah yang dipertuduhkan adalah dadah berbahaya yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama ADB 1952.

KES PENDAKWAAN

[11] Fakta kes pendakwaan yang direkodkan oleh Mahkamah Tinggi adalah seperti berikut. Bertindak atas maklumat, sepasukan polis yang diketuai oleh Inspektor Sharul Rizal bin Abd Kadir ('SP9') telah membuat pemerhatian ke atas sebuah rumah yang bernombor 144, Jalan Bukit Kontang, Daerah Tangkak, Johor ('rumah tersebut').

[12] Semasa sampai di rumah tersebut, SP9 mendapati pintu pagar luar hadapan rumah tertutup. SP9 memanggil penghuni yang berada di hadapan rumah untuk membuka pintu pagar. Tetapi penghuni tersebut enggan dan masuk ke dalam rumah. Penghuni yang berada di hadapan rumah dicamkan sebagai perayu.

[13] Oleh kerana perayu enggan untuk memberi kerjasama, anggota polis terpaksa memanjat pintu pagar. Perayu berjaya ditahan di bahagian ruang tamu rumah tersebut.

[14] Turut ditahan ialah bapa perayu bernama Lu Choon Hee @ Loo Soon Hee ('SP5') yang berada di bahagian dapur. SP9 dan anggotanya telah menjalankan pemeriksaan badan ke atas perayu dan SP5, tetapi tidak mempunyai apa-apa barang yang menyalahi undang-undang di tubuh badan mereka.

[15] SP9 kemudiannya telah menanya perayu di manakah bilik tidurnya. Perayu telah membawa SP9 ke bilik yang terletak di sebelah kiri rumah. Pintu bilik dalam keadaan bertutup, tetapi tidak berkunci. SP9 telah mengarahkan perayu untuk membuka pintu bilik.

[16] Selepas masuk ke dalam bilik itu, SP9 dan anggotanya telah membuat pemeriksaan di hadapan perayu. Hasil pemeriksaan, SP9 menjumpai bahan-bahan yang disyaki dadah berbahaya di atas rak TV yang terdapat dalam bilik tersebut. Rak TV tidak berpintu dan tidak berlaci. Dadah-dadah tidak tersembunyi dan terletak di kawasan terbuka. Bahan yang yang disyaki dadah berbahaya yang dijumpai ialah:

(a) satu bungkusan teh mengandungi dadah jenis syabu;

(b) satu peket plastik lutsinar mengandungi dadah jenis syabu;

(c) satu bekas kotak tin berisi dadah jenis syabu, pil eramin lima, serbuk ekstasi dan heroin (yang dibungkus dalam plastik-plastik); dan

(d) satu peket plastik mengandungi dadah jenis serbuk ekstasi.

[17] Bahan-bahan yang disyaki sebagai dadah berbahaya tersebut telah dirampas oleh polis dan diserahkan kepada ahli kimia ('SP6') untuk dianalisa.

[18] Hasil analisis beliau, SP6 mengesahkan bahan-bahan yang disyaki dadah itu adalah dadah berbahaya mengikut jenis dan berat seperti yang dinyatakan dalam kesemua enam pertuduhan.

[19] Selain daripada dadah, barangan lain yang dijumpai di dalam bilik berkenaan ialah satu unit *sealer*, satu unit penimbang digital, satu unit gunting, satu bungkusan plastik lutsinar mengandungi paket-paket plastik kosong dan wang tunai RM10,000 di dalam beg tangan wanita.

[20] Pemeriksaan di bahagian dapur pula menemui dua pucuk pistol beserta dengan peluru (tidak berkaitan dengan kes dadah).

[21] Kes pendakwaan didengar oleh pesuruhjaya kehakiman ('PK') Awang Armadajaya (hakim bicara pertama). Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara pertama memutuskan suatu kes prima facie telah berjaya dibuktikan dan memanggil perayu membela diri bagi kesemua enam pertuduhan.

KES PEMBELAAN

[22] Saksi-saksi yang memberi keterangan dalam kes pembelaan ialah perayu dan ibunya ('SD2'). Perayu memberi versi berikut. Sebelum beliau ditangkap, pada jam 7 pagi kawannya bernama Ah Pui telah datang ke rumah tersebut dan mereka berbual di dalam bilik perayu. Perayu tidak pasti sama ada Ah Pui pernah menggunakan tuala, seluar dan botol minuman yang dijumpai di dalam bilik perayu. Selepas Ah Pui beredar, perayu berada di bahagian luar rumah untuk menyapu daun pokok di atas lantai.

[23] Selain daripada Ah Pui, perayu mengatakan kawan-kawan beliau yang lain yang pernah masuk ke dalam biliknya ialah San San dan Ah Seng.

[24] Pada jam lebih kurang 10 pagi, pasukan polis sampai di rumah tersebut. Anggota polis berpakaian preman dan berada di luar pagar. Polis meminta perayu membuka pintu pagar. Perayu kemudiannya masuk ke dalam rumah kononnya untuk mengambil *remote control* untuk membuka *autogate*. Semasa perayu berjalan di ruang tamu, polis telah menangkap perayu.

[25] Polis kemudiannya membawa perayu ke ruang dapur. Di bahagian dapur, polis menangkap bapa perayu bernama Loo Soon Hee ('SP5'). Polis kemudiannya membawa SP5 ke ruang tamu dan perayu dibawa masuk ke dalam bilik pertama (bilik perayu di mana dadah dijumpai).

[26] Semasa berada di dalam bilik pertama, polis telah nampak skrin monitor CCTV dan mencabut semua pendawaian CPU CCTV. Menurut perayu, CCTV dipasang di ruang tamu dan sesiapa yang masuk ke bilik perayu akan kelihatan. Perayu mempertikaikan kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan *recorder* CCTV. Perayu telah membuat laporan polis D75 dan D76 berkaitan kehilangan *recorder* CCTV. Perayu menafikan polis ada menunjukkan barang kes dadah yang dijumpai dalam bilik berkenaan.

[27] Perayu mendakwa *sealer* ('P20') yang dijumpai di dalam biliknya adalah kepunyaan bapanya yang digunakan untuk perniagaan. Manakala alat timbang digital ('P24') yang dijumpai di dalam bilik yang sama adalah kepunyaan ibunya untuk menimbang tepung membuat kek. Manakala duit RM10,000 adalah wang simpanan untuk membuat ubahsuai rumah. Perayu mendakwa kononnya jumlah wang yang sebenarnya ialah RM30,000. Tetapi, beliau tidak membuat laporan polis mengenai kehilangan RM20,000 itu. Tanpa ada laporan polis, inferen yang munasabah ialah jumlah wang yang dijumpai ialah RM10,000 sahaja.

[28] Emak perayu bernama Tan Ah Moi ('SD2') pula telah memberi keterangan berikut. Pada hari kejadian, beliau berada di rumah anak ketiganya

yang bernama Loo Yong Chai, di Sabah. Sebelum Tahun Baru Cina beliau dan anaknya pulang ke Semenanjung. Semasa berada di Kuala Lumpur, beliau dimaklumkan bahawa perayu dan suaminya ('SP5') telah ditangkap oleh polis.

[29] SD2 memberi keterangan bahawa *recorder* CCTV yang berada di dalam bilik perayu berfungsi dengan baik. Tetapi, *recorder* tersebut telah tiada. Saksi ini juga mengatakan bahawa alat timbang yang dijumpai di dalam bilik perayu adalah miliknya untuk menimbang tepung.

ALASAN-ALASAN RAYUAN

[30] Peguam perayu menghujahkan sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat atas alasan-alasan berikut:

(a) hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal membuat dapatan afirmatif sama ada perayu mempunyai milikan sebenar (*actual possession*) atau milikan secara anggapan (*presumed possession*) sebelum mengguna pakai anggapan di bawah s 37(da) ADB;

(b) perayu tidak mempunyai kawalan dan jagaan eksklusif ke atas bilik di mana dadah dijumpai;

(c) hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila mengambil kira dan menerima keterangan mengenai 'kelakuan perayu';

(d) hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila membenarkan pendakwaan mengguna pakai s 154 Akta Keterangan 1950 untuk menyoalbalas SP5 sedangkan tiada percanggahan material dalam keterangan; dan

(e) pembelaan perayu tidak dipertimbangkan.

ISU *POSSESSION*

[31] Di akhir kes pendakwaan, pesuruhjaya kehakiman ('PK') Awang Armadajaya telah menyatakan:

> ... after making maximum evaluation, I found that the prosecution succeeded in proving a prima facie case on all charges against the accused. I call the accused to enter his defence on all the charges. For ease of preparing his defence, I am stating that I have in the course of making this decision, invoke the presumption under s 37(da) DDA 1952.

[32] Seksyen 37(da) memperuntukkan:

> (da) any person who is found in possession of —
>
> ...

A (xvi) 50grammes or more in weight of Methamphetamine; otherwise than in accordance with the authority of this Act or any written law, shall be presumed, until the contrary is proved, to be trafficking in the said drug.

B **[33]** Peguam perayu menghujahkan, sebelum PK boleh mengguna pakai s 37(da), PK perlu terlebih dahulu membuat dapatan afirmatif mengenai *possession* iaitu sama ada perayu mempunyai pemilikan sebenar atau anggapan pemilikan. Dalam kes ini, PK tidak membuat dapatan afirmatif mengenai *possession*. Ketinggalan ini terjumlah kepada satu kesilapan yang memerlukan campur tangan dari mahkamah ini.

C

[34] Untuk menyokong hujahannya, peguam perayu merujukkan kami kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Jorge Crespo Gomez v Public Prosecutor* [2020] 5 MLJ 250 yang menyatakan:

D If one is to read paras 24–28 and 53–54 of the grounds of judgment of the learned JC, as we had reproduced in the preceding paragraph of this judgment, the learned JC made findings as follows: (i) mens rea possession by direct evidence and presumption under s 37 (da) of the DDA or alternatively; (ii) presumption under s 37 (d) of the DDA for possession and knowledge and definition of 'trafficking' E under s 2. The aforesaid disclosed that His Lordship did not make an election as to which presumption he had relied on. He had adverted to both presumptions under ss 37(d) and 37(da) of the DDA and also s 2 without making a finding as to whether the appellant was found to be in actual possession or was presumed to be trafficking under s 37(da) of the DDA or whether the appellant was presumed to be in F possession of the drugs under s 37(d) of the DDA and was found to be trafficking under s 2 of the Act. In *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 408; [2014] 5 MLRA 705; [2014] 4 CLJ 406 a decision by the Court of Appeal which was affirmed by this court held that if the learned judge had resorted to the presumption in calling the defence, the law requires that G the learned JC applied the test of balance of probabilities in considering whether the appellant had rebutted the presumption. It is imperative that the learned JC made his election as to which presumption he was relying on, namely whether it was actual possession based on the evidence before him or presumed possession under s 37(d) of the DDA and whether it was actual trafficking based on the evidence or presumed trafficking under s 37(da) of the DDA, as such finding had an impact on H the burden placed on the defence. Hence, by invoking all the alternative presumptions available, it would have an effect that the appellant would have to rebut all the presumptions (alternative ones included) that had been invoked against him. That would be a heavy burden on the appellant as the standard of proof to rebut a presumption is on the balance of probabilities. If the court had acted on the I available evidence in proof of the relevant ingredients without resorting to presumptions there is only an evidential burden on an accused person to raise a reasonable doubt. All these could have been avoided if only the learned judge made a definite finding on which presumption precisely that the appellant has to rebut. In this regard, the court also refer to the view by Augustine Paul J in *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 1 MLRH 764; [2000] 4 CLJ 649.

[35] Peguam perayu bergantung kepada kes *Sureeya Wutthisat & Anor lwn Pendakwa Raya* [2013] 1 MLJ 214 di mana Ahmad Maarop HMR (YA pada ketika itu) memutuskan:

> Selepas menghuraikan 'fakta kes', di bawah tajuk 'Perbicaraan kes', YA hakim bicara menyatakan bahawa mahkamah memutuskan satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan terhadap Sureeya dan Asan dan mereka telah dipanggil untuk membela diri. Sehingga peringkat ini, YA hakim bicara tidak menjelaskan bagaimana beliau mencapai keputusan tersebut. Beliau juga tidak memberikan alasan-alasan kenapa beliau memutuskan bahawa kes prima facie telah terbukti. Sehubungan ini, di ms 29 rekod rayuan, YA hakim bicara menyatakan bahawa Sureeya dan Asan telah gagal mematahkan anggapan *statutory* di bawah s 37(da) ADB.
>
> Ertinya, di akhir kes pendakwaan beliau semestinya telah berpuas hati bahawa mens rea *possession* telah terbukti terhadap Sureeya dan Asan. Malangnya tidak ada apa-apa dalam alasan penghakiman untuk menunjukkan bahawa beliau telah membuat dapatan afirmatif tentang *possession*. Ini adalah satu lagi kesilapan yang dilakukan oleh YA hakim bicara ...

[36] Dalam kes *Soorya Kumar a/l Narayanan @ Narayanasamy v Public Prosecutor* [2011] 5 MLJ 774, Ahmad Maarop JCA menyatakan:

> We come to a more serious misdirection. This occurred when the learned judge found that the defence had failed to rebut the presumption of trafficking under s 37(da)(vi) of the Act. On the basis of the law as stated in *Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273, this finding presupposes that the learned judge was satisfied that the said presumption had arisen in the first place. The question is when was he so satisfied? We have said earlier that before the presumption under s 37(da) of the Act can arise, there must be an affirmative finding of possession. As we have demonstrated, the learned judge did not make any affirmative finding of possession at the close of the prosecution's case. So, his finding regarding the defence's failure to rebut the presumption under s 37(da) of the Act is really bewildering ...

[37] Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam perayu. Fakta kes *Sureeya Wutthisat* dan *Soorya Kumar* yang dirujuk peguam perayu adalah berbeza dari kes di hadapan kami. Dalam kedua-dua kes tersebut hakim bicara telah tersilap kerana tidak mengguna pakai anggapan pengedaran di bawah s 37(da) di akhir kes pendakwaan, tetapi secara tiba-tiba, di akhir kes pembelaan mengatakan anggapan s 37(da) gagal dipatahkan. Sedangkan, dalam kes di hadapan kami, hakim bicara pertama telah memberi indikasi di akhir kes pendakwaan bahawa beliau menggunakan anggapan pengedaran di bawah s 37(da). Ini bermakna, hakim bicara berpuas hati bahawa perayu mempunyai possessi sebenar (*actual possession* atau mens rea *possession*) dan dia dianggap mengedar dadah kerana berat methamphetamine yang dijumpai ialah 183.14g, melebihi berat statutori 50g. Dengan indikasi tersebut, perayu memikul beban untuk mematahkan anggapan pengedaran atas tahap imbangan kebarangkalian. Manakala bagi pertuduhan pemilikan, perayu

memikul beban membuktikan tanpa keraguan munasabah bahawa dadah-dadah tersebut bukan milikan beliau.

[38] Dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Manaf bin Muhamad Hassan* [2006] 3 MLJ 193; [2006] 2 CLJ 129, Arifin Zakaria FCJ (YA pada ketika itu) menyatakan:

> It ought to be stated that the decision in *Muhammad Hassan* only prohibits the use of double presumptions under ss 37(d) and 37(da). It is, therefore, open to the prosecution to rely on either of the presumptions. In other words, the prosecution may positively prove possession without relying on the presumption under s 37(d) of the Act and go on to rely on the presumption of trafficking under s 37(da) of the Act to support a charge under s 39B of the Act. See *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259; *Msimanga Lesaly v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 314; [2005] 1 CLJ 398 (a decision of the Court of Appeal confirmed by this court in Federal Court, Criminal Appeal No 05–27 of 2004 (K). Conversely, the prosecution may rely on the presumption under s 37(d) to prove possession and seek to prove by affirmative evidence (independent of the presumption under s 37(da) that the accused was in fact trafficking in the dangerous drug.

[39] Berbalik kepada kes di hadapan kami. Dalam kes ini, dadah-dadah dijumpai di dalam bilik yang dihuni oleh perayu seorang sahaja. Dadah dijumpai di atas rak TV yang tidak berpintu dan tidak berlaci. Dadah terletak di kawasan terbuka, tidak tersembunyi dan berada di hadapan mata perayu. Adalah mustahil untuk perayu mengatakan beliau tidak tahu ada dadah di dalam biliknya sendiri. Adalah mustahil untuk orang asing boleh letak dadah, gunting, *sealer*, alat penimbang dan paket-paket plasik kosong di dalam bilik perayu tanpa pengetahuannya. Adalah juga mustahil polis tidak menunjukkan kepadanya dadah yang dirampas kerana pemeriksaan di dalam bilik dibuat dengan kehadiran perayu dan di hadapan perayu. Kesemua fakta-fakta ini menyokong dapatan hakim bicara pertama bahawa perayu mempunyai mens rea *possession*.

[40] Pembelaan perayu bahawa dadah-dadah tersebut diletakkan di dalam bilik beliau oleh orang lain tanpa pengetahuan beliau tidak boleh dipercayai. Ini adalah kerana di dalam bilik tersebut juga turut dijumpai alat menghisap dadah, gunting, *sealer*, paket-paket plastik kosong, alat penimbang digital dan wang tunai berjumlah RM10,000.

[41] Perayu mengatakan sealer adalah kepunyaan bapanya ('SP5') yang digunakan dalam perniagaannya. Manakala, alat penimbang digital pula adalah kepunyaan ibunya ('SD2') yang digunakan untuk menimbang tepung untuk membuat kek. Persoalannya, kenapa alat-alat ini mesti berada di dalam bilik perayu. Melihat kepada kuantiti dadah yang dijumpai dan keadaan fakta kes, inferen yang munasabah boleh dibuat iaitu *sealer* dan alat timbang ini digunakan untuk aktiviti pengedaran dadah.

[42] Dalam keadaan dadah-dadah, *sealer* dan alat penimbang dijumpai dalam bilik perayu, yang dihuni oleh perayu seorang sahaja dan dadah-dadah juga tidak tersembunyi, hakim bicara pertama membuat keputusan yang betul bila memutuskan perayu mempunyai possessi sebenar. Perayu mempunyai jagaan, kawalan dan pengetahuan mengenai dadah-dadah tersebut. Oleh itu, kami mendapati tidak ada apa-apa kekhilafan dilakukan oleh hakim bicara pertama bila beliau mengguna pakai anggapan pengedaran di bawah s 37(da). Oleh itu, kami mendapati isu *possession* yang dibangkitkan peguam perayu tidak ada merit dan ditolak.

ISU TIADA KAWALAN DAN JAGAAN EKSKLUSIF BILIK

[43] Dalam keterangannya, perayu mengatakan bilik beliau bebas dimasuki oleh ahli keluarga dan kawan-kawannya yang bernama Ah Pui, San San dan Ah Seng. Tetapi perayu tidak tahu nama penuh kawan-kawannya; tidak tahu alamat tempat tinggal mereka dan tidak tahu nombor telefon mereka. Perayu bersetuju beliau tidak memberikan nombor telefon dan butiran kawan-kawannya kepada pegawai penyiasat, kononnya kerana beliau tidak ditanya. Keterangan perayu ini adalah tidak munasabah. Jika betul kawan-kawan beliau yang meletakkan dadah-dadah itu di dalam biliknya, perayu boleh memberikan butiran lengkap mengenai kawannya kepada polis supaya siasatan boleh dibuat. Tidak perlulah tunggu polis tanya kerana polis tidak tahu. Dalam keadaan perayu tidak ada apa-apa maklumat mengenai kawan-kawannya dan polis juga tidak diberitahu mengenainya, hakim bicara kedua telah membuat keputusan yang betul bila memutuskan Ah Pui, San San dan Ah Seng ini tidak wujud. Perayu hanya sekadar menamakan mereka sahaja. Notis *Alcontara* tidak sempurna dan polis tidak boleh dipersalahkan jika tidak buat siasatan.

[44] Mengenai isu tiada kawalan eksklusif ke atas bilik ini, hakim bicara kedua juga membuat keputusan yang betul bila memutuskan, walaupun bilik boleh diakses oleh orang lain, ini tidak bermakna perayu hilang kawalan ke atas bilik. Lebih-lebih lagi dalam kes ini, dalam bilik perayu ada wang tunai RM10,000. Adalah tidak munasabah perayu tidak ada kawalan dan jagaan ke atas biliknya, sila lihat kes *Hemankumar a/l Subramaniam v Public Prosecutor* [2020] MLJU 217; [2020] 3 CLJ 844.

[45] Maka, isu tiada kawalan eksklusif ke atas bilik ini juga adalah tidak bermerit dan ditolak.

ISU KELAKUAN PERAYU

[46] Dalam kes ini, kelakuan perayu yang dipertikaikan ialah perayu enggan membuka *autogate* bila diminta oleh pegawai serbuan, SP9. Sebaliknya, perayu

telah lari masuk ke dalam rumah. Akibatnya, pasukan serbuan terpaksa memanjat *autogate*. Perayu menafikan beliau melarikan diri. Perayu mengatakan beliau masuk ke dalam rumah untuk mengambil *remote control* untuk membuka *gate*. Kami mendapati sukar untuk menerima penjelasan perayu. Adalah lebih munasabah untuk perayu menjawab permintaan SP9 dengan mengatakan beliau akan ambil *remote control* dan bukannya bertindak terus masuk ke dalam rumah. Di antara versi SP9 dan keterangan perayu, kami mendapati versi SP9 adalah lebih munasabah iaitu perayu enggan beri kerjasama. Kelakuan perayu ini adalah relevan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 untuk menunjukkan perayu ada pengetahuan mengenai dadah di dalam biliknya. Oleh itu, hakim bicara kedua tidak terkhilaf apabila mengambil kira kelakuan perayu. Maka, isu mengenai kelakuan perayu ini juga mesti gagal dan ditolak.

ISU PEMAKAIAN S 154 AKTA KETERANGAN 1950 TERHADAP SP5

[47] SP5 adalah bapa perayu. Keterangan SP5 di mahkamah yang memihak kepada pendakwaan adalah:

(a) SP5 mengesahkan bilik di mana kesemua dadah dijumpai adalah bilik perayu;

(b) SP5 mengesahkan bilik perayu didiami oleh perayu sahaja;

(c) SP5 mengesahkan bahawa perayu akan memarahi orang yang masuk ke dalam biliknya. Tiada orang mahu masuk bilik dia;

(d) SP5 setuju barang kes yang dirampas berupa gambar-gambar perayu diambil daripada bilik perayu;

(e) beliau tidak ingat bila kali terakhir kawan-kawan perayu datang ke bilik perayu; dan

(f) beliau tidak pernah melihat *sealer*.

[48] Tiba-tiba semasa pemeriksaan balas, SP5 mengatakan pada pagi sebelum perayu ditangkap polis, ada kawan perayu datang berbual dengan perayu di dalam bilik perayu; *sealer* itu digunakan oleh SP5 untuk membungkus *fish ball* perayu tidak halang ahli keluarga masuk ke bilik beliau dan pintu bilik perayu jarang dikunci.

[49] Hakim bicara pertama bersetuju dengan TPR bahawa ada percanggahan material antara keterangan SP5 semasa pemeriksaan utama dan keterangan semasa pemeriksaan balas. Dengan itu, hakim bicara membenarkan permohonan TPR untuk memeriksa balas SP5 di bawah s 154 Akta Keterangan 1950.

[50] Seksyen 154 Akta Keterangan memperuntukkan: A

> The Court may, in its discretion, permit the person who calls a witness to put any questions to him which might be put in cross-examination by the adverse party.

[51] Bila disoal balas oleh TPR, SP5 mengaku cerita ada orang datang ke bilik perayu pada pagi hari kejadian berlaku setelah SP5 bertemu dengan peguambela perayu di luar bilik bicara. Oleh itu, tidak hairanlah bila SP5 mengubah keterangan dan menyokong kes pembelaan. B

[52] Di hadapan kami, peguam perayu menghujahkan hakim bicara pertama telah terkhilaf apabila membenarkan TPR mengguna pakai s 154 Akta Keterangan apabila tidak ada percanggahan material dalam keterangan SP5. Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam perayu. Adalah jelas kepada kami bahawa SP5 adalah saksi belot (*hostile witness*). C D

[53] Walaupun SP5 adalah saksi belot, ini tidak bermakna semua keterangan SP5 harus ditolak. TPR berhujah bahawa keterangan SP5 yang disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan masih boleh diterima. TPR bergantung kepada kes *Public Prosecutor v Ramli bin Shafie* [2002] 6 MLJ 153, di mana Mahkamah Tinggi menyatakan: E

> It must be observed that even in the case of a witness who has been declared hostile, as much of his evidence which is corroborated by other evidence can be accepted.

[54] Di dalam kes *Desa Samudra Sdn Bhd v Bandar Teknik Sdn Bhd & Ors* [2012] 1 MLJ 729, Mahkamah Persekutuan memutuskan: F

> In the law governing documentary evidence, as in oral evidence, three matters come to mind — relevancy, admissibility, and weight. They must be considered in that order. Only evidence which is relevant ought to be admissible. Irrelevant evidence should be rendered as inadmissible and the matter ends there. Now, relevant evidence which is rendered admissible is still subject to the element of weight. The court can either attach due weight to the evidence, or some weight, little weight, or no weight at all. G

[55] Dalam kes ini, kami mendapati keterangan SP5 semasa pemeriksaan utama bahawa beliau tidak ingat bila kali terakhir kawan perayu masuk ke bilik perayu; perayu akan memarahi sesiapa yang masuk ke biliknya; bahawa bilik perayu kadang-kadang dikunci dan kadang-kadang tidak dikunci serta SP5 tidak pernah melihat *sealer* adalah keterangan-keterangan yang relevan untuk menunjukkan bahawa bilik perayu dan barang-barang yang berada di dalam bilik perayu adalah di bawah kawalan, jagaan dan pengetahuan perayu sendiri sahaja. Oleh itu, keterangan-keterangan SP5 semasa pemeriksaan utama (yang belum diubah) diterima masuk sebagai keterangan pendakwaan dan diberikan pemberatan yang sewajarnya. H I

A ISU PEMBELAAN PERAYU GAGAL DIPERTIMBANGKAN

[56] Setelah membaca nota prosiding di dalam rekod rayuan, kami mendapati pembelaan perayu boleh diringkaskan seperti berikut:

B (a) beliau tidak ada pengetahuan mengenai kewujudan dadah-dadah yang menjadi intipati kesemua pertuduhan di dalam bilik beliau;

(b) bahawa dadah-dadah itu diletakkan di dalam bilik beliau oleh individu lain tanpa pengetahuan beliau;

C (c) bilik beliau boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Fakta ini disokong oleh keterangan bapa perayu, SP5;

(d) kawan-kawan perayu, kononnya bernama Ah Pui, San San dan Ah Seng ada masuk ke dalam bilik beliau. Tetapi polis tidak mendapatkan nombor telefon Ah Pui, San San dan Ah Seng; dan

D

(e) polis juga tidak menunjukkan dadah-dadah yang dijumpai kepada beliau.

[57] Peguam perayu menghujahkan bahawa hakim bicara kedua telah gagal mempertimbangkan bahawa pembelaan perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan.

E

[58] Kami mendapati hujahan peguam perayu adalah tidak benar. Pembelaan perayu adalah penafian semata-mata iaitu menafikan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan.

F

[59] Bagi pertuduhan pemilikan dadah, kami mendapati hakim bicara kedua telah pun mempertimbangkan pembelaan perayu apabila beliau memutuskan di perenggan 33 penghakiman seperti berikut:

G

> Saya berpendapat pembelaan sebegini terjumlah kepada penafian kosong. Pembelaan sebegini tidak boleh diterima oleh mahkamah dan ia tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah berkaitan pemilikan dadah oleh tertuduh membabitkan semua pertuduhan. Saya merujuk kes *Mr Losali v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 694 yang memutuskan:

H

> > [54] The learned trial judge rightly held that the defence of the appellant was a bare denial. It is trite law that the defence of bare denial is no defence. What this amounts to is this. That the appellant did not offer any explanation to the two charges and merely denied the evidence advanced by the prosecution. That was indeed a perilous course to undertake.

I

[60] Mengenai pertuduhan pengedaran dadah methamphetamine seberat 183.14g, di akhir kes pendakwaan, hakim bicara pertama telah mengguna pakai anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) ADB. Beban bukti beralih

kepada perayu untuk mematahkan anggapan pengedaran atas imbangan kebarangkalian. Perayu harus memberikan penjelasan bahawa dadah tersebut adalah untuk kegunaan beliau sendiri atau untuk sebarang tujuan lain selain daripada pengedaran. Dalam kes ini, perayu gagal memberikan apa-apa penjelasan. Oleh itu, satu-satunya inferen yang munasabah yang boleh dibuat ialah dadah itu adalah untuk tujuan pengedaran; sila lihat *Ogbugo Chioma Martha v Public Prosecutor* [2019] MLJU 295; [2019] 1 LNS 491. Maka, kami mendapati hakim bicara kedua telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan:

(a) bahawa perayu memiliki dadah untuk tujuan pengedaran kerana perayu gagal memberikan penjelasan apakah tujuan dadah tersebut; dan

(b) perayu gagal mematahkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) (xvi) ADB.

KEPUTUSAN KAMI

[61] Bersandarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, kami sebulat suara mendapati sabitan ke atas perayu bagi kesemua enam pertuduhan adalah selamat. Oleh itu, rayuan perayu terhadap sabitan bagi kesemua enam pertuduhan ditolak. Sabitan oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

[62] Mengenai rayuan terhadap hukuman. Bagi kesalahan di bawah s 39B ADB, kami menggunakan kuasa budi bicara di bawah Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) dengan mengenepikan hukuman gantung sampai mati dan menggantikannya dengan hukuman 30 tahun penjara dari tarikh tangkap (13 Februari 2018) dan 12 sebatan rotan.

[63] Rayuan terhadap hukuman bagi lima kesalahan memiliki dadah di bawah s 12(2) ADB ditolak. Hukuman dua tahun penjara bagi setiap pertuduhan yang dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi dikekalkan. Hukuman penjara berjalan serentak dari tarikh tangkap.

Rayuan perayu terhadap sabitan bagi kesemua pertuduhan ditolak; hukuman gantung sampai mati diketepikan dan digantikan dengan hukuman 30 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 sebatan; rayuan perayu terhadap hukuman bagi lima kesalahan memiliki dadah ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar